

Belum ada syarikat dianugerah projek tebatan banjir

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, belum ada mana-mana syarikat dianugerahkan projek tebatan banjir di Johor dan beberapa negeri dilanda banjir melalui tender semula dengan kaedah *fast track* atau laluan pantas.

Perdana Menteri menjelaskan, laluan pantas pemberian projek itu dibuat kerana ada keperluan mendesak dalam mengatasi masalah banjir di beberapa negeri.

“Seperti yang Yang Berhormat Kubang Kerian ketahui, memang sudah diluluskan tender semula projek tebatan banjir ini melalui tender terhad dengan kaedah *fast track* sebab ada keperluan mendesak banjir.

“Namun, sehingga hari ini belum ada syarikat dianugerahkan projek, sama ada di Sungai Golok, Kelantan; Terengganu dan dua projek di Johor.

“Sehingga semalam (kelmarin), belum ada kelulusan kepada mana-mana syarikat. Projek ini perlu disegerakan sebab itu kita menggunakan kaedah *fast track* kerana jika mengikut proses biasa tidak dapat diselesaikan menjelang Julai,” katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PN-Kubang Kerian) yang ingin mengetahui cara penganugerahan

projek tebatan banjir di Johor yang dibuat melalui tender semula.

Awal bulan ini, ketika melawat mangsa banjir di Johor, Perdana Menteri mengarahkan semua projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bernilai RM600 juta ke atas supaya diluluskan dan disegerakan mulai Jun ini.

Anwar berkata, keputusan kerajaan menyegerakan projek RTB segera itu bagi mengelakkan bencana banjir berulang semula sekali gus menjejaskan rakyat.

Pada 5 Disember lalu, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengarahkan beberapa kelulusan

projek tebatan banjir bernilai RM7 bilion tidak diteruskan.

Katanya; ia membabitkan kelulusan secara rundingan terus yang diluluskan sebelum ini dan sudah meminta pegawai Kementerian itu meneliti semula kelulusan yang diberikan bagi memastikan ia mematuhi prinsip ketelusan dan peraturan yang ditetapkan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS) setakat ini tidak menjejaskan hasil dan perbelanjaan kerajaan.

Bagaimanapun, beliau mengakui, kelemahan ringgit berbanding dolar AS memberi kesan kepada harga makanan, teruta-

ma import benih dan baja.

Katanya, nilai ringgit masih kekal positif, berbanding mata wang pound Britain, yen Jepun, dolar Australia, yuan China dan rupiah Indonesia.

Mengulas mengenai pelaksanaan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), Anwar menegaskan, Malaysia belum bersedia melaksanakan semula sistem percukaian itu kerana tahap pendapatan rakyat masih rendah.

Katanya, berbanding Malaysia, negara lain yang melaksanakan cukai terbabit seperti Singapura, Kanada atau New Zealand, menyasarkan pendapatan minimum rakyat mereka adalah munasabah.